

▼11/01/16-41MST

U GB 11-01 00181 BB500

BAH

Mahathir - Memasak (Bergambar)

MAHATHIR TUNJUK KEMAHIRAN MEMASAK DI SEKOLAH DATUK LOKMAN

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi "tukang masak" seketika semasa beliau melawat bilik pengurusan diri Sekolah Menengah Datuk Lokman, Kampung Pandan di sini, hari ini.

Dr Mahathir menunjukkan kemahiran itu dengan menyediakan nasi goreng yang kemudian beliau nikmati bersama Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Haji Daud, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Wan Mohamed Zahid Wan Nordin serta para pegawai kanan Kementerian Pendidikan.

Dr Mahathir pada mulanya hanya berhasrat melawat bilik itu untuk meninjau kelas masakan tetapi para pelajar telah menyarungkan apron kepada beliau dan meminta beliau memasak.

Bilik pengurusan diri itu ialah antara lima bengkel kemahiran hidup yang dilawati Perdana Menteri untuk meninjau kemajuan yang dicapai para pelajar dalam matapelajaran itu. Dr Mahathir turut melawat taman pertanian sekolah itu.

Dr Mahathir, yang menghabiskan masa kira-kira tiga setengah jam melawat sekolah itu, menggunakan peluang berkenaan dengan mendengar guru-guru mengajar dan menyoal guru serta murid mengenai matapelajaran berkenaan. --  
Lagi.

▼11/01/16-28MST

U GB 11-01 00188 BB501

BAH

Mahathir - Memasak 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Kebanyakan soalan yang diajukan kepada pelajar berkaitan dengan penggunaan bidang kemahiran yang dipelajari dalam pekerjaan dan kehidupan. Sepanjang lawatan itu Perdana-Menteri menunjukkan minatnya dalam bidang kemahiran ketukangan dengan menegur di sana sini pelajar yang sedang menyiapkan kerja.

Yang pastinya, lawatan singkat Dr Mahathir ke sekolah itu meninggalkan kesan dan kenangan yang tidak akan dilupai para pelajar serta gurunya dan mereka tidak melepaskan peluang itu dengan bergambar bersamanya selain menyampaikan cenderamata terutamanya bunga.

Apabila seorang pelajar sekolah itu meminta pandangan beliau mengenai sekolah itu Dr Mahathir berkata, ia menarik terutamanya daripada segi komposisi kaum.

"Para pelajar yang terdiri daripada 60 peratus kaum Cina bercampur dengan kaum Melayu dan India dan ini akan memberi peluang kepada kita semua pada awal-awal lagi bercampur gaul dan apabila dewasa kelak kita boleh hidup dengan aman dalam sebuah negara maju," katanya.

Perdana Menteri diberikan sambutan hangat oleh para pelajar dan guru sebaik tiba di sekolah itu pada pukul 9 pagi. Pengetua sekolah, Encik V. Chakravathy memberi taklimat mengenai sekolah itu. -- Bernama.

AFY KAM.

▼11/01/16-28MST